

Tindakan bukti lembaga disiplin telus

BH 21 AUG 2004
KUALA LUMPUR, Isnin – Keputusan Lembaga Disiplin Umno melucutkan jawatan Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi sebagai Ketua Bahagian Bukit Bintang selepas didapati terbabit dalam politik wang, membuktikan lembaga itu bebas dan telus.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata tindakan itu juga membuktikan Lembaga Disiplin membuat keputusan tanpa mengira kedudukan serta jawatan ahli dalam parti.

“Keputusan ini menunjukkan Lembaga Disiplin bebas dan telus apabila mendengar aduan

yang dikemukakan. Walau menteri sekalipun, jika mereka didapati terbabit dalam politik wang, tindakan disiplin akan dikenakan,” katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas pelucutan jawatan Abdul Azim yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, sebagai ketua bahagian berkenaan.

Berikutan keputusan itu, Azim akan digantung daripada memegang jawatan berkenaan selama tiga tahun, berkuat kuasa 18 Julai lalu hingga 17 Julai 2004.

Pada Mei lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata Umno akan memecat

ahlinya yang terbukti terbabit dalam penggunaan politik wang tanpa mengira kedudukan mereka, termasuk di kalangan ahli MT.

Presiden Umno itu berkata, Umno sudah tidak boleh bertolak ansur lagi dalam usaha menangani gejala negatif itu dan perlu serius mengambil tindakan terhadap mereka yang mengamalkan rasuah.

Tengku Adnan berkata, keputusan Lembaga Disiplin itu juga menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya Umno mengamalkan pilih kasih apabila mengambil tindakan terhadap ahli biasa saja.